



Received: 2019-11-10

Accepted: 2020-07-28

Published: 2020-12-18

Original Article

## Konsep Akad Komisen Dalam Islam Dan Aplikasinya Dalam Sistem Muamalat Semasa

### *Commission Concept in Islam and Its Application in Current Muamalat System*

Wan Azlan Wan Adnan<sup>a\*</sup> & Nor Aini Ali<sup>b</sup>

<sup>a</sup> PhD Candidate, Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

<sup>b</sup> Department of Syariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email; ibnadr1977@yahoo.com

#### ABSTRACT

Commissions are a form of payment for services commonly used in transactions involving the business sector, banking, financial agencies and day-to-day transactions. It is also known by various terms such as wages, rewards, fees, bonuses or prizes. Commission is theoretically the subject of debate by previous and contemporary scholars in various forms of contract related to it. Although it is included in the category of wages but if viewed in more detail there are differences in some aspects and orientation of its use. This article is a review of the literature related to the concept of commission agreement based on the debate of previous and recent scholars. The research methodology using the literature review method takes the library research approach. The discussion is a highlight of the collection of writings and studies that have to do with the topic. The discussion also covers how commissions are implemented practically in various current financial transactions.

**Keywords:** commission, commission concept, ji'alah, transaction

#### PENDAHULUAN

Transaksi atau akad yang diharuskan dalam sistem ekonomi Islam berpandukan kepada dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah. Haram atau harusnya sesuatu bentuk transaksi itu bergantung kepada sejauh mana ia mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh syarak. Prinsip-prinsip ini terbina di atas dalil-dalil umum dan khusus daripada al-Quran dan al-Sunnah. Komisen adalah satu bentuk bayaran atas perkhidmatan yang biasa diamalkan dalam transaksi seharian melibatkan sektor perniagaan, perbankan, agensi kewangan dan urusan muamalat seharian. Ia turut menjadi perbincangan para ulama terdahulu dan kontemporari dalam beberapa bentuk akad dan kontrak yang berkaitan dengannya. Perbincangan ini cuba melihat konsep komisen daripada sudut dalil syarak dan akad yang mendasari serta aplikasinya khusus dalam sistem

muamalat semasa. Konsep komisen yang diamalkan secara meluas dalam sistem muamalat semasa adalah merupakan satu bentuk upah atau imbuhan atas perkhidmatan dan kerja yang menerima pakai beberapa prinsip syariah seperti al-Wakālah bi al-Ijārah, al-Ji'ālah dan Hibah Mu'allaqah. Penggunaan istilah komisen atas konsep-konsep syarak ini perlu melihat kepada rukun dan syarat akad sama ada ia akad yang lazim seperti al-Ijārah atau akad yang tidak lazim seperti al-Ji'ālah. Jika komisen atas akad ujah maka ia adalah ganjaran atas usaha dan tenaga yang dicurahkan manakala komisen atas akad ji'ālah adalah bayaran atas dasar pencapaian dan natijah akhir daripada kerja atau perkhidmatan. Manakala yang membezakan di antara al-Ji'ālah dan Hibah Mu'allaqah adalah daripada sudut pembahagian jenis akad sama ada ia daripada jenis akad mu'āwadah yang memerlukan komitmen sekurang-kurangnya dua pihak atau jenis akad tabarru'āt yang hanya memerlukan komitmen sebelah pihak sahaja. Komisen dalam akad ji'ālah adalah merupakan upah atau imbalan ('iwaḍ) atas kerja yang berjaya diselesaikan manakala komisen atas dasar hibah ta'liq adalah satu bentuk komitmen daripada pemberi untuk bertabarru' kepada penerima apabila syarat yang ditetapkan dipenuhi. Dalam sesetengah keadaan hibah ta'liq atau pemberian dengan syarat balasan ini juga boleh dianggap akad jual beli atau pertukaran (mu'awadat). Ia juga boleh berlaku sama ada dalam bentuk caj atau fi yang dituntut atas perkhidmatan yang disediakan atau satu bentuk upah atas kerja yang dilaksanakan. Kesemuanya perlu mematuhi rukun dan syarat akad yang ditetapkan bagi memastikan komisen yang diterima merupakan satu bentuk imbalan atas kerja atau pemberian yang patuh syariah dan menepati konsep mencari pendapatan dan harta yang halal dan diberkati Allah SWT.

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam membincangkan berkenaan komisen dalam Islam dan aplikasinya dalam muamalat semasa, artikel ini menggunakan sumber maklumat dari 53 penulisan lepas yang terdiri daripada buku, tesis, jurnal serta artikel dari kertas kerja. Penulisan tersebut dipecahkan kepada dua tema utama bagi memudahkan huraian dan perbincangan. Tema pertama berkaitan dengan konsep komisen dalam Islam. Ia meliputi perbincangan berkaitan komisen daripada sudut bahasa, istilah dan perbahasan fiqh. Perbincangan daripada sudut konsep ini turut menyentuh konsep komisen menurut Akta Kontrak 1950 dan Akta Kerja 1955 sebagai satu perbandingan. Tema kedua pula berkaitan dengan aplikasi komisen dalam sistem muamalat semasa merangkumi empat bentuk komisen dalam sistem kewangan semasa.

## KONSEP KOMISEN

### Komisen Daripada Sudut Bahasa

Perkataan komisen adalah terjemahan langsung daripada Bahasa Inggeris iaitu "*commission*" yang didefinisikan sebagai:

*"sejumlah (peratusan) bayaran yang dibayar kepada seseorang, ejen, jurujual, dan sebagainya kerana perkhidmatannya."*<sup>1</sup>

Ejen atau jurujual yang diberikan bayaran komisen tersebut juga dinamakan "dalal" dalam Bahasa Melayu yang bermaksud:

---

<sup>1</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 809, entri "komisen."

“orang tengah, wakil penjual, ejen”<sup>2</sup>

Kata kerja “komisi” turut diterima pakai dengan maksud:

“memberikan sesuatu tugas secara rasmi kepada pihak atau orang lain untuk mengerjakan atau mengusahakannya hingga selesai.”<sup>3</sup>

### **Komisen Daripada Sudut Fiqh**

Jika dilihat kepada perbincangan daripada sudut fiqh terdapat beberapa bentuk istilah dan akad yang boleh dikaitkan dengan istilah komisen. Antaranya:

#### **i) *al-Ajr/al-Ujrah/ al-Ijārah* (upah/gaji)**

*al-Ajr* bermaksud ganjaran kepada sesuatu perbuatan yang baik sama ada berbentuk keduniaan atau keagamaan.<sup>4</sup> *al-Ujrah* pula daripada sudut bahasa bermaksud upah. Manakala *al-Ijārah* satu bentuk akad yang merujuk kepada satu bentuk bayaran atas sesuatu manfaat. Sama ada ia berbentuk benda atau kerja. Jika ia berkaitan dengan bayaran manfaat daripada sesuatu benda maka ia dipanggil sewa. Jika ia bayaran manfaat atas sesuatu pekerjaan maka ia dipanggil gaji atau upah.<sup>5</sup> Dalam istilah para fuqaha’ *al-Ajr* pada kebiasaannya dimaksudkan dengan satu bentuk bayaran yang dibayar oleh majikan atau seseorang kepada pekerja atau seseorang yang lain atas sesuatu manfaat yang telah dipersetujui bersama. *al-Ajr* dalam akad *al-Ijārah* sama kedudukannya seperti harga dalam akad jual beli.<sup>6</sup>

Terdapat pelbagai definisi yang telah diberikan oleh ulama silam terhadap *Ijārah* seperti berikut:

Mazhab Hanafi telah mendefinisikan *Ijārah* sebagai suatu kontrak pemilikan ke atas sesuatu manfaat dengan bayaran.<sup>7</sup> Mazhab Maliki pula mendefinisikannya sebagai satu kontrak pemilikan ke atas manfaat sesuatu yang diharuskan pada satu tempoh tertentu dengan bayaran.<sup>8</sup> Mazhab Syafie telah mendefinisikannya sebagai satu kontrak pemilikan ke atas manfaat yang diperlukan dan diketahui; di mana ia boleh diperolehi melalui bayaran tertentu terhadap sesuatu yang diharuskan.<sup>9</sup> Mazhab Hanbali telah mendefinisikannya sebagai satu kontrak ke atas sesuatu manfaat tertentu yang dibenarkan (oleh Syarak), pada satu tempoh tertentu, pada *ʿayn* (bentuk) tertentu atau dalam tanggungan liabiliti atau satu kerja dengan

---

<sup>2</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 306.

<sup>3</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 809.

<sup>4</sup> Ibrahim Mustafa et. al., *al-Muʿjam al-Wasīṭ*, (Istanbul: Dār al-Dakwah, 1989), 7.

<sup>5</sup> Abdul Rahman bin Muhammad al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh ʿalā al-Madhāhib al-Arbaʿah*, (Beirut: Dar Ihyāʾ al-Turāth al-Arabī, 1996), 82.

<sup>6</sup> Nāzih Hammād, *Muʿjam al-Mustalahāt al-Māliyah wa al-Iqtisādiah fi Lughah al-Fuqahāʾ*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 2008), 25.

<sup>7</sup> Abū Bakr Muhammad ibn Abī Sahl Al-Sarkhasī, *Al-Mabsūṭ*, (Beirut: Dār al-Makrifah, 1989), 74.

<sup>8</sup> Al-Dusūqī, Shamsuddin al-Syeikh Muhammad, *Hāsyiah al-Dusūqī ʿala al-Sharḥ al-Kabir*, (Kaherah: Dār Ihyāʾ al-Kutub al-Arabiyyah, t.t.) 2.

<sup>9</sup> Abi Bakr bin Muhammad al-Huṣnī al-Dimashqī, *Kifāyah al-Akhyār Fi Ḥalli Ghāyah al-Ikhtiṣār*, ed. ʿAbdul Qādir al-Arnāʿūṭ, (Beirut: Dār al-Fikr, 1994) 248.

bayaran tertentu.<sup>10</sup> Ibnu Qudamah telah merumuskan *Ijārah* menurut Mazhab Hanbali sebagai *bai' al-manāfi* (jual beli manfaat).<sup>11</sup>

Mohamad `Abdul Razzaq merumuskan bahawa *Ijārah* adalah *bai' al-manāfi* iaitu jual beli manfaat.<sup>12</sup> Ia terpakai dalam dua keadaan iaitu<sup>13</sup>:

- i. *Ijārah 'amāl* iaitu upah yang dibayar kerana perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang.
- ii. *Ijārah 'a'yān* iaitu sewaan kerana menggunakan manfaat sesuatu aset yang dimiliki.

### Dalil Diharuskan Akad *Ijārah*

Dalil daripada al-Quran, firman Allah swt:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ حَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتِ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٦٦﴾

al-Qashash, 28: 26

Terjemahan: *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.*

Ayat di atas mengisahkan tentang cadangan anak perempuan Nabi Syuaib a.s agar menawarkan kepada Nabi Musa a.s dengan kontrak *Ijārah* dan bekerja dengannya selama lapan tahun. Ini menunjukkan bahawa *Ijārah* adalah kontrak yang telah sedia dikenali, diamalkan dan diharuskan oleh syariat umat terdahulu (شرع من قبلنا) serta diakui oleh syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw.

Hadis Nabi SAW:

أعطوا الأجير أجره قبل أن يجف عرقه

Terjemahan: *Berilah upah kepada orang yang mengambil upah sebelum peluhnya kering*.<sup>14</sup>

<sup>10</sup> Muhammad bin Ahmad Ibnu Najjar, *Muntahā al-Irādāt fī Jam'ī al-Muqni` ma`a Tankīh wa Ziyādāt*, ed. `Abdullah bin Abd Muhsin `al-Turkī, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), 1:339.

<sup>11</sup> `Abdullah bin Ahmad, Ibn Qudāmah, *al-Mughni wa Yalīhi al-Sharḥ al-Kabīr*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-`Arabī, 1983), 8:7.

<sup>12</sup> Mohammad `Abdul Razzaq al-Ṭabṭabā`ī, *Abḥās fī Fiqh al-Mu`āmalat al-Māliyah al-Mu`āshirah*, (Kuwait: Shura li al-Istishārah al-Shar`iyyah, 2007),1.

<sup>13</sup> Nāzih Hammād, *Mu`jam al-Muṣṭalahat al-Iqtiṣādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'*, 26.

<sup>14</sup> Hadith Riwayat Ibnu Majah, Kitab al-Ruhūn, Bab Ajr al-Ujara', no. Hadith 2443. Lihat Abi `Abd Allāh Muhammad bin Yazid bin Majah al-Qazwīnī, "Sunan Ibn Majah", ed. Shuīb al-Arnā'ūṭ menurutnya status hadis Hasan Lighairihi (Damsyik: Dār al-Risālah al-`Ālamiyyah, 2009) 511.

Manakala dalil ijmak pula, umat Islam daripada zaman sahabat ra telah bersepakat mengharuskan kontrak *Ijārah* kerana mereka berhajat untuk menggunakan manfaat sesuatu sama seperti keperluan mereka kepada barang-barang. Justeru itu apabila jual beli barang-barang diharuskan, maka kontrak *Ijārah* ke atas manfaat juga diharuskan.<sup>15</sup>

### **Rukun dan Syarat-Syarat *Ijārah***

Menurut ulama mazhab Hanafi rukun *Ijārah* hanya ada satu, iaitu ijab dan qabul. Manakala menurut jumhur ulama rukun *Ijārah* ada empat, iaitu:<sup>16</sup>

i) *Āqid* (orang yang berakad)

*Āqid* adalah orang yang melakukan perjanjian/transaksi, iaitu individu yang menyewa barang atau mengupah orang lain disebut sebagai (*mu'jir*) dan orang yang menyewakan barang atau mengambil upah atas sesuatu kerja (*musta'jir*).<sup>17</sup>

ii) *Sīghah* akad

*Sīghah* akad adalah pernyataan yang menunjukkan kerelaan atau kesepakatan dua pihak yang melakukan kontrak atau transaksi.<sup>18</sup>

iii) *Ujrah* (upah/sewa)

*Ujrah* adalah bayaran kepada benda yang disewa atau upah kepada seseorang yang telah digunakan khidmat atau tenaganya untuk mengerjakan sesuatu pekerjaan tertentu dan bayaran itu diberikan menurut perjanjian yang telah disepakati bersama.

iv) Manfaat<sup>19</sup>

Ia merupakan faedah daripada sesuatu benda termasuklah tenaga dan kepakaran manusia.

### **Syarat-Syarat *Sīghah***

*Sīghah* yang terdiri daripada ijab dan qabul akan diterima apabila ia berlaku dalam apa juga bentuk, sama ada perkataan, perbuatan atau sesuatu yang diterima pakai oleh '*urf* setempat.<sup>20</sup>

Menurut majoriti ulama yang terdiri daripada mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan Imam Nawawi daripada mazhab Syafie bahawa kontrak *Ijārah* secara *mu'ātah* iaitu tanpa perkataan yang jelas

---

<sup>15</sup> Muhammad Najīb al-Muṭi`ī, *Al-Majmū` Sharḥ al-Muhadhdhab (Takmilah)*, (Jeddah: Maktabah al-Irshad, t.t.), 252.

<sup>16</sup> `Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulayman, *ʿAqd Al-Ijārah Maṣḍar min Maṣādir al-Tamwīl al-Islāmiyyah*, (Riyadh: al-Ma`had al-Islāmī li al-Buhūs wa al-Tadrīb, 2000), 26.

<sup>17</sup> Boleh juga disebut sebagai *āmil* atau pekerja (الإجارة على العمل).

<sup>18</sup> Dimyauddin Djuwaini, *Pengantar Fiqih Muamalah*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2010), 51.

<sup>19</sup> Ada sebahagian fuqaha yang menyenaraikan rukun *al-Ijārah* kepada tiga iaitu:

- 1- Pihak-pihak yang berkontrak. Ia meliputi pemberi sewaan (*mukjir*) dan penyewa (*mustakjir*).
- 2- *Sīghah* yang terdiri daripada tawaran (*ijab*) pemberi sewa dan penerimaan (*qabul*) penyewa.
- 3- Objek kontrak sewaan (*mahal al-`aqq*) yang meliputi manfaat yang akan digunakan oleh penyewa bayaran sewaan ke atas penggunaan manfaat tersebut. Lihat *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1993), 254.

<sup>20</sup> `Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulayman, *ʿAqd Al-Ijārah Maṣḍar min Maṣādir al-Tamwīl al-Islāmiyyah*, 28

adalah diharuskan. Menurut mereka apa yang penting adalah persetujuan dan keredhaan pihak-pihak yang berkontrak tercapai.<sup>21</sup>

### Syarat Ujrah (Bayaran Sewa/Upah)

Fuqaha sepakat dalam meletakkan syarat *ujrah* bahawa ia merupakan dalam kategori harta yang bernilai dan diketahui jumlahnya.<sup>22</sup> Sehubungan dengan itu, fuqaha telah menggariskan satu kaedah bahawa setiap sesuatu yang boleh dijadikan sebagai bayaran harga dalam kontrak jual beli harus dijadikan sebagai bayaran sewaan.<sup>23</sup>

### Jenis-jenis Ujrah

Para fuqaha membahagikan jenis-jenis ujrah kepada *al-Ajr al-Musamma* dan *al-Ajr al-Mithl*. *Al-Ajr al-Musamma* merupakan ujrah yang telah dipersetujui antara dua pihak yang beraqad iaitu *musta'jir* dan *ajir*. Ia boleh dalam bentuk wang tunai, manfaat atau barangan. *al-Ajr al-Mithl* pula adalah upah yang sesuai atau setara dengan jenis pekerjaannya. Jika ia tidak disebut atau terjadi perselisihan terhadap upah yang disebutkan maka *al-Ajr al-Mithl* atau upah setara akan diterima pakai.<sup>24</sup>

#### ii) *al-Wakālah bi al-Ujrah*

*al-Wakālah* daripada sudut didefinisikan sebagai penyerahan mandat (*al-tafwīd*) iaitu memberi kuasa atau mewakilkan.<sup>25</sup> Firman Allah Taala:

إِنِّي تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ رَبِّي وَرَبِّكُمْ مَا مِنْ دَابَّةٍ إِلَّا هُوَ آخِذٌ بِنَاصِيَتِهَا إِنَّ رَبِّي عَلَى صِرَاطٍ

مُسْتَقِيمٍ ﴿٥٦﴾

Hud 11: 56

Terjemahan: *Sesungguhnya aku bertawakkal (berserah diri) kepada Allah Tuhanku dan Tuhanmu. Tidak ada suatu binatang melatapun melainkan Dialah yang memegang ubun-ubunnya. Sesungguhnya Tuhanku di atas jalan yang lurus"*

Daripada sudut istilah menurut pandangan fuqaha':

Menurut pandangan ulama Hanafiyyah *al-wakālah* ialah:

<sup>21</sup> *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, 255.

<sup>22</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuhu*, (Damsyik: Dār al-Fikr 1989), 749.

<sup>23</sup> `Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulayman, *`Aqd Al-Ijārah Maşdar min Maşādir al-Tamwīl al-Islāmiyyah*, 30.

<sup>24</sup> Zakariya Hama, Konsep Ujrah dari Perspektif Fiqh, (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke- 7, Hotel Fairmont, Singapura 29-30 Mei 2013), 11-12.

<sup>25</sup> Rahmat Syafie, *Fiqh Muamalat* (Jakarta: PT Raja Grafindo, 1993), 125.

“Satu aqad di mana seseorang mewakili orang lain bagi pihak dirinya dalam menguruskan sesuatu yang harus dan dimaklumi (tugasannya)”.<sup>26</sup>

Manakala menurut ulama Syafiiyyah pula, *al-wakālah* bermaksud:

“Menyerahkan mandat (*tafwīd*) kepada orang lain untuk melakukan sesuatu semasa hidupnya dalam perkara yang dibolehkan oleh syarak untuk diwakilkan.”<sup>27</sup>

Jika digabungkan kedua-dua pandangan ini dapatlah disimpulkan bahawa *al-wakālah* ialah melantik atau memberikan amanah kepada seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas yang dimaklumi (skop tugasannya) serta dibenarkan oleh syarak dan undang-undang bahawa ia boleh diserahkan kepada orang lain.

### Dalil Diharuskan Akad *al-Wakālah*

#### Dalil al-Quran:

Firman Allah SWT berkaitan kisah Ashabul Kahfi:

وَكَذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِئْتُمْ قَالُوا لَبِئْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ  
قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِئْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى  
طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

Al-Kahfi, 18 :19

Terjemahan: *Demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya-tanya sesama sendiri. salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur?" (sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang Utuslah salah seorang dari kamu, membawa wang perak kamu ini ke bandar; kemudian biarlah Dia mencari dan memilih mana-mana jenis makanan Yang lebih baik lagi halal (yang dijual di situ); kemudian hendaklah ia membawa untuk kamu sedikit habuan daripadanya; dan hendaklah ia berlemah-lembut Dengan bersungguh-sungguh (semasa di bandar); dan janganlah dia melakukan sesuatu yang menyebabkan sesiapa pun menyedari akan hal kamu.*

Kalimah (فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ) dalam ayat dia atas merujuk kepada satu bentuk akad *al-wakālah* dan menurut Wahbah Zuhailiy ia merupakan satu bentuk *al-wakālah* dalam pembelian makanan dan minuman.<sup>28</sup>

<sup>26</sup> Wahbah Zuhaylī, *al-Uqūd al-Musamma*, (Damsyik: Dār al-Fikri 1987), 282.

<sup>27</sup> Muhammad Mustafa Shalabī, *al-Madkhal Fi al-T`arīf al-Fiqh al-Islāmiyy wa Qawā'id al-Milkiyyah wa al-Uqūd Fih*, (Beirut: Dār Al- Nahḍah al-Arabiyyah, 1985), 523.

<sup>28</sup> Wahbah Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fi al-`Aqīdah wa al-Sharī`ah wa al-Manhaj*, (Damsyik: Dār al-Fikri 1991), 15:224.

Firman Allah SWT dalam kisah Nabi Yusuf as:

أَذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا فَأَلْفُوهُ عَلَىٰ وَجْهِ أَبِي يَأْتِ بَصِيرًا وَأْتُونِي بِأَهْلِكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩٣﴾

Yusuf, 11: 93

Terjemahan: Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku supaya ia dapat melihat, dan selepas itu bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya.

Ayat (أَذْهَبُوا بِقَمِيصِي هَذَا) dalam kisah Nabi Yusuf menunjukkan bagaimana Nabi Yusuf mewakili kepada saudara baginda satu bentuk perbuatan atau pekerjaan mewakili dirinya. Kedua-dua kisah ini menunjukkan praktikal amalan mewakili seseorang bagi melaksanakan sesuatu perkara atau tugas yang boleh menerima *niyābah* atau perwakilan. Menunjukkan ia bukan sesuatu yang baharu bahkan diamalkan oleh umat terdahulu secara meluas disebabkan ia suatu bentuk keperluan dalam kehidupan bermasyarakat. Ia juga termasuk dalam konsep bantu membantu yang digalakkan dalam Islam.

#### Dalil Hadis:

حَدَّثَنَا شَيْبُ بْنُ عُرْقَدَةَ قَالَ : سَمِعْتُ الْحَيَّ يُحَدِّثُونَ، عَنْ عُرْوَةَ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ بِهِ شَاةً فَاشْتَرَى لَهُ شَاتَيْنِ فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ فَجَاءَهُ بِدِينَارٍ وَشَاةٍ فَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ ، وَكَانَ لَوْ اشْتَرَى الثَّرَابَ لَرَبِحَ فِيهِ.

Terjemahan: *Ali bin Abdullah menceritakan kepada kami, Sufyan menceritakan kepada kami, Syabib bin Gharqadah menceritakan kepada kami, ia berkata: Saya mendengar penduduk bercerita tentang Urwah, bahawa Nabi saw memberinya satu dinar bagi membeli seekor kambing untuk baginda, lalu dia membeli dua ekor kambing dengan wang tersebut, kemudian dia menjual salah seekor daripadanya dengan harga satu dinar. Dia pulang membawa satu dinar dan seekor kambing. Lalu Nabi saw mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya (Baginda berkata), seandainya dia (Urwah) membeli tanah, dia akan beruntung dengan (jual beli itu).*<sup>29</sup>

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa Nabi saw mewakili Urwah untuk melaksanakan urusan jual beli bagi pihak dirinya. Ibn Hajar al-`Asqalānī ketika membahaskan hadis ini menyebut:

<sup>29</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Manāqib*, Bab 68, No. Hadith 3642, Lihat Abū `Abd Allāh Muhammad bin Ismā`il al-Bukhārī, "Sahīh al-Bukhārī" ed. Rā`id bin Sabrī bin Abī `Alfah (Riyād: Dār al-Haḍārah li Al-Nashr wa al-Tawzī', 2015), 592.



“Hadis ini menunjukkan bahawa Urwah adalah wakil dalam kedua-dua urusan membeli dan menjual”<sup>30</sup>

### Dalil Ijmak:

Para ulama sepakat mengharuskan akad *al-wakālah*, kerana ia merupakan sebahagian daripada konsep tolong-menolong atas dasar kebaikan dan taqwa.<sup>31</sup>

### Rukun dan Syarat Akad *al-Wakālah*

Rukun *al-wakālah* menurut pandangan jumbuh ulama ada empat:<sup>32</sup>

1. Orang yang mewakilkan (الموكل). Disyaratkan orang yang mewakilkan itu seorang yang mukallaf dan mumayyiz serta pemilik barang atau memiliki kuasa dan hak bertindak terhadap barang tersebut.
2. Orang yang mewakili (الوكيل). Disyaratkan seorang yang berakal, mumayyiz dan mukallaf serta mampu melaksanakan tugas yang diwakilkan kepadanya.
3. Barang atau perkara yang diwakilkan (الموكل فيه). Disyaratkan baginya:
  - Tidak bertentangan dengan syariat Islam.
  - Boleh diwakilkan kepada orang lain. Merangkumi *ibādah māliyyah* (melibatkan harta) dan bukan *ibādah badaniyyah* mutlak seperti solat dan puasa.
  - Barang atau perkara yang diwakili dimiliki oleh orang yang mewakilkan. Batal akad *wakālah* jika mewakilkan seseorang untuk menjual hak milik orang lain.
  - Barang atau perkara yang diwakilkan mestilah jelas dan dimaklumi.
4. *Sighah* atau lafaz *ījab dan qabūl* yang menunjukkan persetujuan terhadap akad *al-wakālah* daripada kedua-dua pihak yang berakad.

Sementara *al-ujrah* dalam pelaksanaan *al-wakālah* adalah satu bentuk imbalan atau upah yang diberikan oleh orang yang diwakili (*al-wakīl*) kepada yang mewakili (*al-muwakkal fīh*). Ini berdasarkan amalan Nabi saw yang mewakilkan para sahabat dalam beberapa perkara. Sebahagian mereka diberikan upah manakala sebahagian lagi tidak. Ibn Qudamah menyebut:

“Harus aqad wakālah sama ada dengan upah (j`ulu) ataupun tidak, sesungguhnya Nabi saw pernah mewakilkan Anis untuk melaksanakan hukuman hudud, mewakilkan Urwah untuk membeli kambing, dan mewakilkan Abu Rafi’ untuk melaksanakan akad nikah tanpa memberi imbalan atau upah. Dan Nabi pernah menghantar pekerja untuk mengutip sedekah (zakat) dengan memberikan upah kepada mereka”<sup>33</sup>

<sup>30</sup> Ahmad bin `Ali bin Hajar al-`Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyah, 1989), 6:787.

<sup>31</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 5:4061.

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4057. Manakala menurut ulama Hanafiyyah rukun *al-wakālah* terhad kepada dua sahaja iaitu *ījab* dan *qabūl*, lihat: Ibn Qudāmah, *al-Mughni*, 5:83.

<sup>33</sup> Mawfiquddin, Abdullah bin Ahmad, Ibn Qudāmah, *al-Mughni*, (Kaherah: Dār Hadis, 2004), 468.

Meskipun harus memberi upah atau imbalan kepada wakil, namun ia boleh menjadi wajib apabila terjadi satu bentuk kesepakatan atau perjanjian yang menetapkan upah kepada wakil pada kadar dan masa tertentu. Atas dasar itu diterima pakai istilah akad *al-wakālah bi al-ujrah*. Hukum yang terpakai terhadapnya juga adalah mengikut hukum *al-ijārah*.<sup>34</sup>

### iii) *al-J'ulu/al-Ji'ālah*<sup>35</sup> (janji upah/ganjaran/reward)

Daripada sudut bahasa *al-J'ulu* didefinisikan sebagai:

“Ganjaran atau upah yang diambil seseorang sebagai imbuhan atas sesuatu kerja yang dilakukan.”<sup>36</sup>

Daripada sudut istilah fiqh pula didefinisikan sebagai:

التزام عوض معلوم على عمل معين أو مجهول عسر عمله

Pengertiannya: “Suatu kelaziman (tanggung jawab) memberikan imbuhan yang disepakati atas suatu pekerjaan tertentu atau pekerjaan yang belum pasti boleh dilaksanakan.”<sup>37</sup>

### Dalil Diharuskan Akad *al-Ji'ālah*

#### Dalil al-Quran:

قَالُوا نَفَقْدُ صُوعِ الْمَلِكِ وَلَمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ ﴿٧٢﴾

Yusuf, 12: 72

Terjemahan: *Orang-orang Menteri menjawab: kami kehilangan cupak raja, dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (barang makanan) sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu.*

Ibnu Jarir dalam tafsirnya menjelaskan tentang makna (صواع) sebagai berikut:

والصواع هو الإناء الذي كان يوسف يكيل به الطعام. وكذلك قال أهل التأويل

<sup>34</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 4059.

<sup>35</sup> *al-Ji'ālah* dengan dibaris bawahkan huruf *jim* (ini yang paling masyhur), dan dikatakan juga bahawa ia dibolehkan dengan mana-mana 3 baris (baris atas, baris bawah dan baris hadapan untuk huruf *jim*) sama ada: *al-Ja'ālah*, *al-Ji'ālah* dan *al-Ju'ālah*.

<sup>36</sup> Nāzih Hammād, *Mu`jam al-Mustalahāt al-Māliyah wa al-Iqtisādiah fi Lughah al-Fuqahā'*, 25.

<sup>37</sup> Muhammad, Shamsuddin ibnu al-Khatib al-Sharbinī, *Mughnī al Muḥtaj ilā Ma'rifati Ma'ānī Alfāz al Minhāj*, (Beirut: Dār al-Fikr),30.

Terjemahan: "Al-Ṣuw`a adalah bekas yang digunakan Nabi Yusuf as untuk menimbang makanan. Demikianlah yang dikatakan para ahli tafsir."<sup>38</sup>

Ayat (وَلَمَن جَاءَ بِهِ جَمَلٌ بَعِيرٌ) adalah dalil yang mengharuskan akad *al-Ji'ālah* dan ayat (وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ) adalah dalil pensyariatan akad *al-Ḍamān & al-Kafālah*.<sup>39</sup>

#### Dalil Hadis:

انْطَلَقَ نَفَرٌ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرَةٍ سَافَرُوهَا، حَتَّى نَزَلُوا عَلَى حَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ، فَاسْتَضَافُوهُمْ فَأَبَوْا أَنْ يُضَيَّفُوهُمْ، فَلَدَغَ سَيِّدُ ذَلِكَ الْحَيِّ، فَسَعَوْا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ لَا يَنْفَعُهُ شَيْءٌ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: لَوْ أَتَيْتُمْ هَؤُلَاءِ الرَّهْطَ الَّذِينَ نَزَلُوا، لَعَلَّهُ أَنْ يَكُونَ عِنْدَ بَعْضِهِمْ شَيْءٌ، فَأَتَوْهُمْ، فَقَالُوا: يَا أَيُّهَا الرَّهْطُ إِنَّ سَيِّدَنَا لُدِغَ، وَسَعَيْنَا لَهُ بِكُلِّ شَيْءٍ لَا يَنْفَعُهُ، فَهَلْ عِنْدَ أَحَدٍ مِنْكُمْ مِنْ شَيْءٍ؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: نَعَمْ، وَاللَّهِ إِنِّي لِأَرْقِي، وَلَكِنَّ وَاللَّهِ لَقَدْ اسْتَضَفْنَاكُمْ فَلَمْ تُضَيِّفُونَا، فَمَا أَنَا بِرَاقٍ لَكُمْ حَتَّى تَجْعَلُوا لَنَا جُعَلًا، فَصَالِحُوهُمْ عَلَى فَطِيحٍ مِنَ الْعَنَمِ، فَاَنْطَلَقَ يَتَفَلُّ عَلَيْهِ، وَيَقْرَأُ: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ فَكَأَنَّمَا نُشِطَ مِنْ عِقَالٍ، فَاَنْطَلَقَ يَمْشِي وَمَا بِهِ قَلْبَةٌ، قَالَ: فَأَوْفُوهُمْ جُعَلَهُمُ الَّذِي صَالِحُوهُمْ عَلَيْهِ، فَقَالَ بَعْضُهُمْ: اأَفْسِمُوا، فَقَالَ الَّذِي رَقِيَ: لَا تَفْعَلُوا حَتَّى نَأْتِيَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَندُكِّرْ لَهُ الَّذِي كَانَ، فَنَنْظُرْ مَا يَأْمُرُنَا، فَقَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدُكِّرُوا لَهُ، فَقَالَ: وَمَا يُدْرِيكَ أَنَّهَا رُفِيَّةٌ، ثُمَّ قَالَ: قَدْ أَصَبْتُمْ، اأَفْسِمُوا، وَاضْرِبُوا لِي مَعَكُمْ سَهْمًا فَضَحِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Dari Abu Said r.a. katanya: "Beberapa orang sahabat bermusafir, sehingga mereka berhenti pada suatu kampung di antara kampung-kampung Arab. Para sahabat itu minta supaya mereka dijamu, tetapi orang kampung enggan menjamu mereka. Sementara itu, ketua kampung itu digigit binatang berbisa, dan telah mereka usahakan segala-galanya untuk mengubatinya, tetapi tidak satu pun yang bermanfaat baginya. Seorang di antara mereka berkata, "Pergilah kamu kepada para sahabat yang berhenti itu, mudah-mudahan ada di antara mereka yang dapat menolong." Lalu mereka pergi menemui para sahabat, kata mereka, "Wahai, orang banyak! Ketua kampung kami digigit binatang berbisa. Telah kami usahakan segala sesuatu untuk mengubatinya, tetapi tidak ada yang memberi manfaat baginya.

<sup>38</sup> Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, ed. Mahmud Muhammad Shākir, (Kaheerah: Maktabah Ibn Taimiyyah), 17:176.

<sup>39</sup> Jalāluddin `Abdul Rahman bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *al-Iklīl fī Istinbāt al-Tanzīl*, ed. Abdullah Muhammad al-Siddīq al-Ghumārī al-Hasanī, (Damsyik: Dār al-Kutub al-Arabī), 132.

Adakah di antara anda yang dapat menolong?" Seorang di antara mereka menjawab, "Ya, demi Allah! Sesungguhnya aku boleh mengubatinya. Tetapi demi Allah! Kami telah meminta kepada kalian supaya kami dijamu. Tetapi kalian tidak mahu menjamu kami. Aku tidak akan mengubatinya sebelum kalian menentukan berapa upah kami. Akhirnya mereka berdamai dan berjanji akan menyerahkan sekumpulan kambing. Maka pergilah sahabat itu mengubatinya. Ia menyembur si sakit dan membaca: *Alhamdulillah rabbil 'alaamiin* (Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam). Maka bagaikan tali yang diuraikan simpulnya, pesakit itu langsung berjalan dan sakitnya pun hilang. Katanya, "Bayarlah secukupnya upah mereka yang telah dijanjikan tadi." Di antara mereka yang menerima upah berkata, "Bahagikanlah upah itu!" Kata yang membaca ruqyah (jampi), "Jangan kalian lakukan itu, sebelum kita datang kepada Nabi saw menceritakan hal ini serta menunggu keputusan dari beliau." Mereka pun pergi menghadap Rasulullah saw., lalu mereka ceritakan hal itu kepada beliau. Sabda beliau, "Apakah sebabnya kamu mengatakan bahawa ucapan itu ruqyah?" Kemudian beliau bersabda lagi, "Sesungguhnya kalian telah betul. Bahagi-bahagilah upahmu, dan beri aku sebahagian." Kemudian Rasulullah saw tertawa.<sup>40</sup>

Praktikal akad *al-Ji'alah* dapat diperhatikan dalam respon sahabat ra terhadap permintaan untuk mengubati ketua kampung yang sakit (فَمَا أَنَا بِرَاقٍ لَكُمْ حَتَّى تَجْعَلُوا لَنَا جُعَلًا). Lafaz جُعَلًا yang diguna pakai membawa maksud upah atau balasan. Perakuan (تقرير) daripada Nabi saw terhadap perbuatan sahabat itu juga merupakan dalil yang mengharuskan akad *al-Ji'alah*.<sup>41</sup> Juhur ulama mengharuskan mereka yang mengajar al-Quran mengambil upah berdasarkan kepada hadis ini manakala ulama Hanafiah melarang mengambil upah bagi pengajar namun mengharuskannya jika bertujuan untuk perubatan secara ruqyah.<sup>42</sup>

Pendapat Ibnu Qudamah:

*"Keperluan masyarakat menjurus kepada adanya al-ju'alah; sebab pekerjaan (untuk mencapai suatu tujuan) kadang-kadang tidak jelas (bentuk dan masa pelaksanaannya), seperti mengembalikan budak yang hilang, haiwan hilang, dan sebagainya. Untuk pekerjaan seperti ini tidak sah dilakukan akad ijarah padahal (orang/pemilikinya) perlu agar kedua barang yang hilang tersebut kembali, sementara itu, ia tidak bertemu orang yang mahu membantu mengembalikannya secara suka rela (tanpa imbuhan). Oleh karena itu, keperluan masyarakat mendorong agar akad ju'alah untuk keperluan seperti itu dibolehkan sekalipun (bentuk dan masa pelaksanaan) pekerjaan tersebut tidak jelas."<sup>43</sup>*

<sup>40</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Ijārah, Bāb Mā Yu ṭī Fī al-Ruqyah 'alā Ahyā' al-'Arab bi Fātīhah al-Kitāb*, No. Hadith 2267, "Ṣahīh al-Bukhārī", 356.

<sup>41</sup> Mustāfa al-Khin, *Fiqh al-Manhajī 'ala Madhab al-Imām Al-Shāfi'i*, (Damsyik: Dār al-Qalam), 3:144-143.

<sup>42</sup> Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*, 571.

<sup>43</sup> 'Abdullah bin Ahmad, Ibn Qudāmah, *al-Mughnī wa Yalīhi al-Syarḥ al-Kabīr*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1983), 381.

Menurut pandangan Imam al-Nawawi:

*“Diharuskan akad al-Ji’ālah, iaitu komitmen (seseorang) untuk memberikan imbuhan tertentu atas pekerjaan tertentu atau tidak tertentu yang sukar diketahui.”<sup>44</sup>*

Jumhur Ulama Mazhab Hanafi berpandangan bahawa akad *al-Ji’ālah* tidak dibolehkan atas dua perkara iaitu unsur *gharār* (ketidakpastian) dan berurusan dengan sesuatu yang tidak diketahui (*majhūl*). Mereka berpandangan tidak boleh diikat sesuatu akad dengan sesuatu yang tidak diketahui. Imam al-Sarkhasī memberikan perumpamaan berikut:

*“Jika seseorang berkata: Sesiapa yang mengembalikan kepunyaanku maka baginya sekian-sekian, dan dia tidak menentukan sesiapa secara jelas (untuk kerja tersebut,) maka jika ada seseorang yang berjaya mengembalikan kepadanya, dia tidak berhak ke atas imbuhan tersebut. Kerana tidak wujud akad bersama seseorang yang tidak diketahui (majhūl) begitu juga tanpa lafaz *qabūl*, ia haram dalam syariat kita meskipun dibenarkan bagi syariat orang yang sebelum kita.”<sup>45</sup>*

Bagi mereka *al-Ji’ālah* sama ada ia dianggap upah yang batil (إجارة باطلة) sekiranya tidak ditentukan *‘amil* (pekerja) atau dikira upah yang fasid (إجارة فاسدة) sekiranya ditentukan *‘amil* (pekerja) namun dengan kebarangkalian kerja tersebut tidak dilaksanakan.<sup>46</sup>

Namun terdapat sebahagian ulama mazhab Hanafi yang mengharuskan akad *al-Ji’ālah* walaupun tanpa ditentukan *‘amil* (pekerja), antaranya Imam al-Jaṣāṣ.<sup>47</sup>

### **Rukun dan Syarat akad *al-Ji’ālah***

Jumhur ulama selain mazhab Hanafi menyatakan rukun akad *al-Ji’ālah* itu ada empat perkara iaitu:

1. *‘Aqidain* iaitu dua pihak atau lebih yang menjayakan kontrak *al-Ji’alah*. Ia terdiri dari *jā’il* (yang menawarkan kerja dan upah) dan *‘amil* (orang yang bekerja untuk mendapatkan upah tersebut).
2. *Sīghah* iaitu lafaz *tījab* (tawaran dari *jā’il* untuk menjayakan sesuatu pekerjaan dengan ganjaran upah) dan *qabūl* (penerimaan tawaran oleh *‘amil* yang akan mendapat hasil setelah matlamat tercapai).

<sup>44</sup> Mahyuddin Yahya bin Sharf, al-Nawawī, *Majmu` Syarḥ al-Muhadhab*, (Damsyik: Dār-al-Fikri) 15:113.

<sup>45</sup> Abū Bakr Muhammad ibn Abī Sahl al-Sarkhasī, *al-Mabsūṭ*, (Beirut: ār al-Makrifah, 1989), 11:18.

<sup>46</sup> Muhammad Amin ibn `Umar `Ābidīn, *Radd al-Muḥtār `alā al-Darr al-Mukhtār*, (Riyadh: Dār `Ālim al-Kutub, 2003), 4:281.

<sup>47</sup> Ahmad ibn `Ali al-Rāzī, al-Jaṣāṣ, *Aḥkām al-Qurān*, ed. Muhammad al-Ṣādiq al-Qamḥāwī (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-`Arabī, 1992), 175.

3. *'Amal* iaitu objektif kerja yang ditawarkan oleh *jā'il* seperti mencari kereta yang hilang. Objektifnya adalah kereta. Manakala cara pekerjaannya adalah mengikut kemampuan *'āmil*.
4. *'Iwadh* iaitu ganjaran atau imbuhan yang dijanjikan sekiranya *'āmil* berjaya menyelesaikan kerja yang diarahkan.<sup>48</sup>

**Syarat-syarat *al-Ji'ālah* adalah sebagai berikut:**

1. Mestilah terdapat kalimah atau lafaz yang menunjukkan izin pekerjaan, yang merupakan syarat atau tuntutan dengan tukaran tertentu.
2. Jika seseorang mengerjakan pekerjaan tetapi tanpa izin orang yang menyuruh (*ja'il*), maka dia tidak memperoleh suatu apa pun ganjaran yang berhak ke atasnya walaupun sekiranya barang itu telah ditemukannya. Namun *ja'il* berhak untuk memberikan ganjaran mengikut kemahuannya.
3. Keadaan *al-ji'ālah* itu hendaklah ditentukan terlebih dahulu dengan nilai wang atau barang sebelum seseorang mengerjakan pekerjaan itu.<sup>49</sup>

**iv) Hibah Mu'allaqah/Hibah Ta'liq**

*Hibah* daripada sudut bahasa bermaksud:

“Suatu pemberian tanpa apa-apa balasan dan tiada sebarang tujuan.”<sup>50</sup>

“Pemberian tanpa balasan”<sup>51</sup>

Daripada sudut istilah syarak pula:

“Memberi milik sesuatu barang kepada seseorang yang mana barang itu sah untuk dijual atau diberi hutang, oleh ahli tabarru' dengan tidak adanya sebarang pertukaran atau balasan”<sup>52</sup>

Berdasarkan takrifan-takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa hibah merupakan akad pemberian milik harta kepada individu lain secara sukarela tanpa mengharap balasan daripada penerima hibah yang berkuatakuasa ketika hidup pemberi hibah.<sup>53</sup>

---

<sup>48</sup> Wahbah Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, 4: 922.

<sup>49</sup> Mohamad Fairuz Tamjis dan Buerah Tunggak, “Konsep Akad Al-Ju'alah Dalam Perusahaan Multi-Level Marketing (MLM) Patuh Syariah”, *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol.2, no.1 (2015) 44.

<sup>50</sup> Ibn Manẓūr, Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram, *Lisān al-'Arab* (Riyaḍ: Dār al-Akhyār, 2006), 15:399.

<sup>51</sup> Nazih Hammad, *Mu'jam al-Mustalahāt al-Māliyah wa al-Iqtisādiah fi Lughah al-Fuqahā'*, 464.

<sup>52</sup> Shamsuddin Muhammad Ibn Khatīb al-Syirbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rifat Ma'īnī Alfāz al-Minhāj*, (Beirūt: Dār al-M'arifah, 2003), 2:397.

<sup>53</sup> Noorliza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, “Hibah dengan Syarat Balasan Mengikut Pandangan Fuqaha' dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivill Jordan”, *Jurnal Shariah*, Jil.20, Bil.3 (2012), 314.

## Dalil Diharuskan Akad Hibah

### Dalil al-Quran:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ  
وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُؤْمِنُونَ  
بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

al-Baqarah, 2: 177

Terjemahannya: *Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan salat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.*

Imam Ibn Kathir menafsirkan ayat: *وَأَتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ*:

*"Iaitu mengeluarkannya, sedangkan dia mencintainya dan berhasrat kepadanya. Demikianlah menurut pendapat Ibn Mas'ud, Sa'id ibn Jubair, dan lain-lainnya dari kalangan ulama salaf dan khalaf."<sup>54</sup>*

Beliau turut mengemukakan sebuah hadis yang menjelaskan tafsiran ayat di atas:

*"Seperti yang disebutkan di dalam hadis sahihain dari hadis Abu Hurairah secara marfu', iaitu:*

*"أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ أَنْ تَصَدَّقَ وَأَنْتَ صَاحِحٌ شَحِيحٌ، تَأْتِلُ الْغَنَى، وَتَخْشَى الْفَقْرَ".*

<sup>54</sup> Isma'il ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, ed. 'Abd al-Qadir al-Arnā'ūt, (Damsyik: Maktabah Dār al-Faiḥa', 1994), 1:282.

*“Sedekah yang paling utama ialah bila kamu mengeluarkannya, sedangkan kamu dalam keadaan sihat lagi mampu, bercita-cita ingin kaya dan takut jatuh miskin.”<sup>55</sup>*

Ayat (وَأَتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ) turut mengandungi maksud sama ada sedekah yang wajib iaitu zakat atau boleh juga membawa maksud sedekah yang sunat.<sup>56</sup> Imam al-Jaṣṣ pula menyatakan bahawa *dilālah* ayat tidak menunjukkan bahawa ia adalah sedekah yang wajib.<sup>57</sup>

### Rukun-rukun Hibah

Imam Sharbini menyebut:

*“Pihak-pihak yang melakukan aqad hibah terdiri daripada pemberi hibah (wāhib) dan penerima hibah (mauhūb lahu), akad hibah menerusi ijab dan qabul, dan adanya barang yang dihibahkan itu (mauhūb).”<sup>58</sup>*

### Pembahagian Hibah

Hibah terbahagi kepada dua jenis iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat atau dengan syarat. Dalam pembahagian hibah bersyarat atau dengan syarat, ia dibahagikan kepada tiga iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah bersyarat ‘umra dan hibah bersyarat ruqba.<sup>59</sup>

Dalam konteks hibah atau hadiah yang menyerupai komisen ulama membahaskan satu istilah yang disebut sebagai *hibah mu’allaqah* iaitu satu bentuk pemberian yang ditaklikkan kepada sesuatu. Dengan kata lain *hibah* atau hadiah yang bersyarat dengan berlakunya sesuatu perkara. Para ulama berbeza pandangan terhadap keharusan memberikan hadiah dengan *t’alīq* dan secara umumnya terbahagi kepada dua pandangan:

**Pertama:** Tidak membenarkan *t’alīq* hibah iaitu pendapat mazhab Shafie, sebahagian ulama Hanbali dan Zahiri. Menurut mazhab Syafie, Hibah tidak boleh dita’liqkan dengan apa-apa syarat pada masa hadapan kerana hibah adalah satu aqad yang boleh terbatal dengan *jahālah* (ketidaktahuan), maka hibah tidak boleh dit’alīqkan dengan syarat seperti jual beli.<sup>60</sup>

**Kedua:** Membenarkan *ta’liq* hibah iaitu pegangan mazhab Maliki, Hanafi dan sebahagian ulama mazhab Hanbali beserta Ibnu Taimiyyah dan muridnya Ibnu al-Qayyim. Mereka berpendapat

---

<sup>55</sup> Isma’īl ibn Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, 1/282.

<sup>56</sup> Wahbah Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*, 100.

<sup>57</sup> Ahmad ibn ‘Alī al-Rāzī, al-Jaṣṣ, *Aḥkām al-Qurān*, ed. Muhammad al-Ṣādiq al-Qamḥāwī (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1992), 175.

<sup>58</sup> Shamsuddin Muhammad Ibn Khatīb al-Syirbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifat Ma’īnī Alfāz al-Minhāj*, (Beirut: Dār al-M’arifāt, 2003), 2:397

<sup>59</sup> Noorliza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, “Hibah dengan Syarat Balasan Mengikut Pandangan Fuqaha’ dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivil Jordan”, *Jurnal Shariah*, 315

<sup>60</sup> Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf al-Shirāzī, *al-Muḥadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 2:332.



dibolehkan *ta'liq hibah* dengan sesuatu syarat. Menurut Ibn Qayyim, ada beberapa dalil yang jelas bahawa Rasulullah SAW sendiri bert'*aliq* sesuatu hibah dengan syarat.<sup>61</sup>

### **Komisen Perkhidmatan Ejen (*al-Wakālah*)**

Ejen didefinisikan sebagai:

*“Orang yang menjalankan perniagaan untuk orang lain atau orang yang diupah (digaji) untuk melakukan sesuatu untuk orang lain”*<sup>62</sup>

Mengikut Seksyen 135, Akta Kontrak 1950:

*Seorang “agen” ialah seorang yang diambil kerja untuk membuat sesuatu tindakan bagi pihak seseorang atau untuk mewakili seseorang dalam urusan-urusan dengan orang-orang ketiga. Seseorang yang untuknya tindakan itu dibuat, atau yang diwakili demikian adalah dipanggil “prinsipal”.*<sup>63</sup>

Ini menunjukkan ejen juga termasuk dalam kategori pekerja yang diiktiraf oleh undang-undang di mana ia membentuk satu hubungan di antara majikan dan pekerja berdasarkan kontrak perkhidmatan yang dimeterai bersama. Ini termaktub dalam Akta Kerja 1955 yang memperuntukkan majikan adalah mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil bekerja mana-mana orang lain sebagai pekerja termasuk ejen atau pengurus.<sup>64</sup> Dalam konteks ini majikan dikira prinsipal yang melantik ejen untuk menjalankan urusan bagi pihak dirinya.

Ejen menurut istilah syarak pula merujuk kepada akad *wakālah*. Komisen yang diperolehi oleh ejen atau wakil adalah satu bentuk bayaran daripada pihak yang mewakilkan (prinsipal) kepada pihak yang diwakilkan (ejen). Komisen yang diterima bergantung kepada perjanjian di antara prinsipal dan ejen sama ada menggunakan akad *al-Wakālah bi al-Ujrah.*, *al-Ji'ālah* atau *Hibah Mu`allaqah*.

### **Komisen dan Upah**

Istilah komisen sering digunakan dalam urusan yang berkaitan dengan gaji dan upah. Upah adalah satu elemen penting dalam sesebuah kontrak perkhidmatan. Pembayaran upah merupakan hasil daripada hubungan kontrak antara majikan dengan pekerja atau orang yang mengupah dengan yang diupah.

Menurut Kamus Dewan, upah ialah:

---

<sup>61</sup> Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah,, *Ighāsah al-Lahfān fī Maṣāyid al-Shayṭān*, (Kaherah: Dār Ibn al-Haytham, 2004), 2:16-17.

<sup>62</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 378, entri “ejen.”

<sup>63</sup> Akta Kontrak 1950 (Seksyen 135)

<sup>64</sup> Harlida Abdul Wahab dan Mumtaj Hassan, *Undang-Undang dan Tadbir Urus Sumber Manusia*, (Sintok: UUM Press, 2016), 23.

“wang dan lain-lain yang diberikan kepada orang yang disuruh mengerjakan sesuatu, bayaran sebagai pembalas jasa, ganjaran untuk tenaga orang yang telah digunakan”<sup>65</sup>

Secara umumnya upah dapat dibahagikan kepada dua bahagian:

**i. Upah yang ditetapkan**

laitu upah yang ditentukan waktu pembayaran seperti sejam, sebulan, seminggu atau setahun. Lazimnya apabila telah sampai tempoh pembayaran, ianya diterima oleh pekerja mengikut kadar yang ditetapkan.

**ii. Upah yang setimpal**

laitu upah yang diberikan setimpal dengan pekerjaan dan pekerja. Lazimnya ianya dibayar berdasarkan kepada kemahiran yang dimiliki oleh pekerja itu dan dilunaskan pembayarannya apabila pekerjaan yang dilakukannya selesai.<sup>66</sup>

Akta Kerja 1955 menafsirkan upah terdiri dari dua komponen iaitu:

- i. Upah pokok
- ii. Semua pembayaran lain dengan wang tunai.<sup>67</sup> (termasuk komisen)

Merujuk kepada seksyen 2, tiada tafsiran komisen diberikan maka dari segi autoriti penggunaan tafsiran Kamus Dewan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bolehlah digunakan. Istilah komisen digunakan secara meluas dalam perhubungan perusahaan di Malaysia untuk merujuk kepada sejumlah (peratusan) bayaran (tunai) yang dibayar kepada pekerja kerana perkhidmatannya, juga merujuk wang upah yang dibayar kepada pekerja kerana menjual barang-barang. Kesimpulannya, komisen adalah komponen kedua 'upah' di bawah seksyen 2 Akta Kerja iaitu termasuk dalam semua pembayaran lain dengan wang tunai dibayar kepada seorang pekerja bagi kerja yang dibuat mengenai kontrak perkhidmatannya.

Jika diteliti semula empat bentuk akad yang dibincangkan daripada sudut fiqh, ia menepati konsep komisen daripada beberapa aspek di mana ia satu bentuk bayaran atau pemberian yang terlaksana kontraknya dengan syarat. Dalam akad *al-Ijārah* ia tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak di mana satu pihak menawarkan upah dan di pihak yang lain melaksanakan kerja yang mendatangkan manfaat kepada pihak yang pertama. Apa yang membezakan antara *al-Ijārah* dan *al-Ji'ālah* adalah daripada sudut orientasinya di mana *al-Ijārah* adalah akad lazim yang berasaskan kepada usaha (*effort oriented*). Individu yang melakukan kerja diberikan upah berdasarkan kepada usaha kerjanya dan tidak tertakluk kepada selesai atau tidak kerja tersebut. Biasanya ia mempunyai prosedur kerja yang khusus dan selagi mana

---

<sup>65</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, 1776, entri “upah.”

<sup>66</sup> Ishak Abdul Rahman dan Jumaat Abdul Moen, “Pentadbiran Gaji Dan Upah Menurut Perspektif Islam – Satu Tinjauan Umum,” *Jurnal Ulum Islamiyyah, The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, vol.3, 46-47.

<sup>67</sup> Akta Kerja 1955, (Akta No.265, Seksyen 2).

pekerja mengikuti prosedur tersebut dia berhak diberikan upah tetapi tidak disyaratkan kerja itu berjaya diselesaikan atau tidak. Ini juga terpakai kepada akad *al-Wakālah bi al-Ujrah*. Bayaran upah dibayar atas usaha dan bukannya atas natijah daripada usaha tersebut.

*al-Ji'ālah* pula secara praktikal termasuk dalam kategori gaji atau upah. Namun yang membezakannya dengan *al-Ijārah* ialah akad ini berorientasikan hasil atau natijah (*result oriented*). Ia termasuk dalam kategori gaji atau upah yang berasaskan kepada hasil akhir daripada sesuatu pekerjaan atau tugas. Pekerja hanya diberikan komisen dalam kadar yang dipersetujui sekiranya tugas atau kerja yang diberikan kepadanya selesai atau mencapai sasaran yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Dengan kata lain, upah diberi dengan syarat tugas dapat diselesaikan atau mencapai matlamat yang ditetapkan. Ini lebih menghampiri konsep akad *hibah mu'allaqah* yang meletakkan syarat terlaksananya sesuatu hibah tersebut dengan berlakunya sesuatu sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Ketiga-tiga akad ini merupakan akad yang paling hampir dan sesuai daripada sudut istilahnya dengan konsep komisen. Meskipun para ulama memberikan definisi berbeza daripada sudut lafaz, namun ia menjurus kepada satu maksud iaitu satu akad atau kontrak di mana seseorang individu atau pihak menawarkan imbuhan tertentu kepada seorang individu atau pihak yang lain untuk melakukan satu-satu kerja atau tugas yang memberi manfaat kepada pihak yang menawarkan imbuhan. Imbuhan tersebut dibayar sama ada atas usaha yang dilakukan atau setelah kerja atau tugas itu selesai mengikut kehendak individu atau pihak yang pertama. Ia juga menepati pembahagian bayaran atas sesuatu pekerjaan kepada gaji dan upah. Gaji dikhususkan kepada pekerja yang dibayar mengikut masa dan upah dibayar mengikut hasil. Begitu juga definisi yang termaktub dalam Akta Kerja (Pindaan 2012) yang meletakkan komisen dalam struktur komponen kedua 'upah' di bawah seksyen 2 Akta Kerja iaitu termasuk dalam semua pembayaran lain dengan wang tunai dibayar kepada seorang pekerja bagi kerja yang dibuat mengenai kontrak perkhidmatannya.<sup>68</sup> Keperluan untuk menyelaraskan di antara definisi daripada sudut undang-undang dan istilah fiqh ini penting kerana perbahasan seterusnya akan menjurus kepada bentuk-bentuk komisen yang diterima pakai dalam sistem muamalat semasa dan implikasi hukum yang berkaitan dengannya.

## **APLIKASI KOMISEN DALAM SISTEM MUAMALAT SEMASA**

Komisen adalah termasuk dalam kategori muamalah yang hukum asalnya adalah harus. Menurut Ibn 'Abidīn: Muamalat itu terbahagi kepada lima: pertukaran pemilikan harta, urusan nikah kahwin, urusan kehakiman, urusan peninggalan pusaka dan amanah.<sup>69</sup> Terdapat beberapa kaedah usul dan kaedah fiqh yang boleh dijadikan asas dalam menentukan hukum berkaitan perkara muamalat, antaranya:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

---

<sup>68</sup> Akta Kerja (Pindaan 2012).

<sup>69</sup> Muhammad Amīn bin 'Umar Ibn 'Ābidīn, *Hāshiah Ibn 'Ābidīn*, (Beirut: Dār Fikri, 1992), 1:79.

*Maksudnya: "Asal sesuatu perkara itu harus sehingga adanya dalil yang mengharamkannya"*<sup>70</sup>

Begitu juga kaedah yang merujuk khusus kepada hukum muamalat seperti:

الأصل في المعاملات الإلتفات إلى المعاني

*Maksudnya: "Hukum asas dalam urusan muamalat adalah kembali kepada maknanya (tujuannya dan maslahatnya)"*<sup>71</sup>

Selain menjadikan kaedah-kaedah asas ini sebagai sandaran, hukum komisen juga bergantung kepada sejauh mana ia mematuhi prinsip-prinsip asas dalam muamalat serta menepati syarat dan rukun akad atau kontrak. Antara prinsip asas yang perlu dipatuhi adalah bebas daripada riba, *gharar* (ketidakjelasan), judi serta mematuhi prinsip keadilan. Dalam konteks Malaysia keharusannya juga tertakluk kepada peruntukan perundangan seperti Akta Bank Negara 2009 yang mengawal selia kedua-dua sistem kewangan Islam dan konvensional. Secara lebih khususnya jika ia berkaitan dengan sistem kewangan Islam, maka ia tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Istilah komisen turut disenaraikan sebagai berisiko menjadi salah satu bentuk pemberian dan penerimaan suapan dalam Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Bayaran komisen boleh disalahguna sebagai satu bentuk rasuah terutama kepada penjawat awam

#### **Komisen Dalam Sistem Kewangan Semasa**

Secara umumnya, istilah bayaran komisen diterima pakai secara meluas dalam pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan sama ada oleh bank, syarikat atau orang perseorangan. Ia juga menjelaskan jenis-jenis dan bentuk komisen sama ada ia komisen yang ditawarkan atau yang dituntut. Perbincangan difokuskan kepada empat jenis muamalat berbentuk perkhidmatan, produk kewangan serta kaedah jualan semasa yang menerima pakai konsep komisen ejen dalam urusan niaga iaitu:

- i. Komisen Perkhidmatan Perbankan
- ii. Komisen Perkhidmatan Insuran dan Takaful
- iii. Komisen Perniagaan Jualan Langsung
- iv. Komisen Perniagaan Konsainan

Setiap satunya diperuntukkan hukum yang berbeza melihat kepada sejauh mana kepatuhannya kepada prinsip asas dalam muamalat serta menepati syarat dan rukun akad. Juga mematuhi undang-undang sedia ada. Selain itu ia turut menjelaskan bahawa sebahagian daripada transaksi yang diistilahkan sebagai komisen ini sebenarnya merujuk kepada satu

---

<sup>70</sup> 'Abd al-Rahman bin Abī Bakr, Jalāluddīn al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*, (Beirut: Dār Kutub Ilmiah, 1990), 60.

<sup>71</sup> Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, (Beirut: Dār Kutub Ilmiah, 2001) 2:228.

bentuk bayaran upah/fi yang menepati sebahagian konsep komisen daripada sudut etimologi dan terminologi dan istilah yang diterima pakai dalam akta kerja.

#### i. Komisen Perkhidmatan Perbankan

Institusi kewangan sama ada yang beroperasi secara Islam mahupun konvensional secara umumnya menawarkan produk-produk kewangan yang boleh diklasifikasikan kepada beberapa kategori iaitu:<sup>72</sup>

- i. Produk Deposit; diperolehi daripada pelanggan dan pendeposit sebagai jaminan simpanan dan pelaburan oleh institusi kewangan.
- ii. Produk Pembiayaan; institusi kewangan menyalurkan dana kepada pelanggan yang memerlukan modal untuk pelbagai tujuan sama ada keperluan tunai atau pembelian aset.
- iii. Produk Perkhidmatan; kemudahan transaksi dan urusanniaga seperti kad debit, kiriman wang (*remittance*), surat jaminan, pindahan dana antara bank (*Interbank Giro* atau IBG), takaful dan lain-lain.

Daripada ketiga-tiga kategori produk ini, produk-produk perkhidmatan menjadi penyumbang pendapatan kepada institusi kewangan melalui pendapatan berasaskan *ujrah* (*fee based income*) sama ada berbentuk komisen, yuran, fi atau caj. Ia merujuk kepada pendapatan yang dijana bukan hasil penggunaan dana pendeposit.<sup>73</sup> Akad atau kontrak yang berkait secara langsung dalam produk ini antaranya kontrak jaminan (*Kafalah/Dhaman*) dan kontrak ejen (*Wakalah*).

Contoh komisen yang dikenakan pihak bank kepada pelanggan dalam kontrak jaminan ialah dalam pengeluaran Surat Jaminan Bank (*Letter of Guarantee*). Surat Jaminan atau dalam Bahasa Arab "*khitab al-dhaman*" ialah janji bertulis yang dipegang oleh bank untuk menjamin pelanggannya (pemohon surat jaminan) dalam kadar tertentu bagi pihak ketiga (*beneficiary*). Jaminan itu adalah terhadap suatu obligasi yang ditanggung oleh pelanggan yang dijamin. Ia bertujuan menjamin pelanggan menunaikan obligasinya terhadap pihak ketiga sepanjang tempoh tertentu.<sup>74</sup>

Resolusi Akademi Fiqh Islam Antarabangsa Jeddah merekodkan fatwa berkaitan Surat Jaminan Bank seperti berikut:

*"Perbelanjaan pengurusan bagi mengeluarkan surat jaminan dan jenis-jenisnya adalah dibolehkan menurut Syarak, dengan mengambil kira tiada caj tambahan ke atas kadar upah menurut harga pasaran (ujr almithl); dan pada keadaan bercagaran penuh atau sebahagian, dibolehkan bagi pihak*

---

<sup>72</sup> Saiful Anuar Hambali, "Isu-isu Syariah Berkaitan Ujrah Dalam Industri Kewangan Islam", (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7, Singapura, 2013)

<sup>73</sup> *Framework of Rate of Return*, Bank Negara Malaysia, , klausa 6.2, 12

<sup>74</sup> Mohd Nasran Mohamad dan Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, "Surat Jaminan Bank: Hukum Menjadikannya Sebagai Aset untuk Jual Beli dalam Pembiayaan", *Jurnal Muamalat Bil 2*, (2009), 154

*bank untuk mengambil kira kos sebenar bagi mengeluarkan surat jaminan tersebut.”<sup>75</sup>*

Kebanyakan fuqaha menjelaskan bahawa surat jaminan bank mengandungi dua prinsip Syariah iaitu *wakalah* dan *kafalah*. Surat jaminan mengandungi konsep perwakilan (*tawkil*) daripada pelanggan kepada bank dengan mengakui suatu hak yang telah sabit atau akan sabit pada masa akan datang. Para fuqaha mengharuskan upah daripada *wakalah* dengan mengambil kira kos sebenar bebanan yang ditanggung oleh pihak bank untuk menyelesaikan jaminannya. Ini kerana biasanya ada kerja-kerja tertentu yang perlu dilakukan ketika mengeluarkan surat tersebut mengikut uruf bank.<sup>76</sup> Komisen dalam bentuk ini merupakan satu bentuk caj atau fi yang dituntut dan ditentukan oleh pihak bank kepada pelanggan atas perkhidmatan yang diberikan.

Selain daripada komisen atau imbuhan dikira sebagai caj, terdapat juga bentuk komisen yang ditawarkan oleh pihak bank kepada pelanggan contohnya Program Sahabat Agro (AgroPrimaS) yang diperkenalkan oleh Agrobank. Ia adalah sebuah program pemasaran yang diwujudkan oleh Agrobank bagi mempromosikan produk dan servis berpandukan konsep keahlian, rujukan dan ganjaran.<sup>77</sup> Ia bermula sejak Mac 2016 dan menerima pakai konsep syariah *hibah mu`allaqah* (hibah bersyarat) yang merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara. Menerusi konsep ini, pemberian hibah/hadiah hanya akan berlaku apabila syarat yang ditetapkan sudah berlaku.<sup>78</sup> Ia memberi peluang kepada pelanggan memperolehi pendapatan pasif setiap bulan secara komisen yang diberikan oleh pihak bank hasil daripada merujuk pelanggan baru kepada pihak Agrobank untuk mendaftar keahlian dan membuka akaun simpanan.

## ii. Komisen Perkhidmatan Insuran dan Takaful

Secara umumnya, institusi insurans sama ada konvensional atau takaful adalah merupakan perantara kewangan selain institusi perbankan yang berfungsi menguruskan dana perlindungan risiko terhadap aset, nyawa dan sebagainya.<sup>79</sup>

Institusi takaful dibangunkan atas prinsip perkongsian risiko. Risiko yang ditanggung oleh pelanggan atau peserta takaful dikongsi bersama dengan mengaplikasikan prinsip akad *tabarru'*. Manakala syarikat takaful berperanan sebagai pengendali dana atau operator takaful dengan mengaplikasikan akad *wakalah* dan *mudarabah*. Dalam menjalankan operasi kedua-dua

---

<sup>75</sup> Azman Mohd Nor et. al. “Kerangka Dan Mekanisma Penentuan Kos Sebenar Ke Atas Produk Kewangan Islam”, (kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7, Singapura, 29-30 Mei 2013).

<sup>76</sup> Mohd Nasran Mohamad dan Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, “Surat Jaminan Bank: Hukum Menjadikannya Sebagai Aset untuk Jual Beli dalam Pembiayaan”, 155

<sup>77</sup> “Sahabat Agro”, diakses 15 september 2018, <https://www.agrobank.com.my/wp-content/uploads/2016/05/Sahabat-Agro.pdf>.

<sup>78</sup> “Terma dan Syarat Program Sahabat Agro”, diakses 15 September 2018, <https://www.agrobank.com.my/wp-content/uploads/2016/05/Terma-Dan-Syarat-Program-Sahabat-Agro-Agroprimas.pdf>.

<sup>79</sup> Suhaimi Mohd Yusof, “Sistem Kewangan Islam dan Konvensional : Satu Perbandingan Kritis” (kertas kerja, Bengkel Eksekutif Kewangan Islam Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia, Bank Negara Malaysia, 27 September 2010).

institusi ini turut menerima pakai sistem wakil atau ejen. Sebagaimana perkhidmatan perbankan yang mengenakan bayaran/fi atas nama komisen terhadap khidmat yang ditawarkan, maka ejen yang mewakili syarikat insurans atau takaful turut menjadikan komisen sebagai upah atas khidmat yang diberikan.

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) memulakan penubuhan syarikat pengendali takaful dengan menggunakan model *Mudharabah*. Namun setelah lebih daripada 20 tahun beroperasi, kini Takaful Malaysia turut sama menggunakan model *wakalah* bagi pelan Takaful Keluarganya sepertimana operator Takaful yang lain.<sup>80</sup>

### iii. Komisen Dalam Perniagaan Jualan Langsung

Akta Jualan Langsung 1993 mentakrifkan jualan langsung sebagai jualan dari pintu ke pintu dan jualan pesanan. Bermaksud, ia tidak dijual atau dipamerkan di kompleks membeli-belah atau di kedai runcit, sebaliknya bergerak dengan melantik ejen-ejen yang telah dilatih. Ejen inilah yang akan memberi penerangan dan menjual produk syarikat.<sup>81</sup>

Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 menyatakan:

*"jualan langsung" ertinya jualan dari pintu ke pintu, jualan pesanan pos atau jualan melalui transaksi elektronik mengikut pengertian Akta ini;*  
*"jualan melalui transaksi elektronik" ertinya jualan barang-barang atau perkhidmatan secara elektronik dengan menggunakan rangkaian pemasaran bagi maksud untuk mendapatkan komisen, bonus atau apa-apa faedah ekonomi yang lain;*  
*"jualan pesanan pos" ertinya jualan barang-barang atau perkhidmatan yang dijalankan oleh seseorang, sama ada sendiri atau melalui mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya, dengan menerima tawaran bagi kontrak jualan melalui pos atau apa-apa kaedah penghantaran yang lain termasuk secara elektronik;"*

Sementara MLM pula ialah satu bentuk pelan pemasaran yang menekankan pencarian ahli baru dalam bentuk penajaan. Contohnya setiap ahli dikehendaki mencari atau menaja beberapa ahli baru untuk diletakkan di bawahnya atau dipanggil downline. Ada juga situasi melibatkan setiap ahli mencari beberapa individu untuk diajak menghadiri ceramah berkaitan produk yang dianjurkan syarikat dan jika mereka menyertai skim itu, secara automatik mereka akan menjadi downline kepada ahli berkenaan. Sistem ini turut dikenali sebagai skim piramid yang mana idea asasnya ialah seseorang itu membuat hanya satu pembayaran, tetapi dijanjikan keuntungan berganda daripada orang lain, sebagai balasannya. Secara umum Perniagaan Jualan Langsung secara Berbilang Tingkat (*Multi Level Marketing*) adalah suatu cara perniagaan alternatif yang berkaitan dengan pemasaran yang dilakukan melalui tingkatan (level) yang banyak. Ia biasa dikenali dengan istilah tingkat atas (*Upline*) dan tingkat bawah (*Downline*), Pokok utama dari perniagaan MLM ini digerakkan dengan jaringan ini, sama ada yang bersifat

---

<sup>80</sup> "Takaful Malaysia", diakses 13 Ogos 2018, <https://www.takaful-malaysia.com.my/lang/bm/corporate/aboutus/Pages/businessmodel.aspx>.

<sup>81</sup> Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993, [Pinda. Akta A1379: s. 6 (c), 6 (d), 6 (e)].

vertikal (atas ke bawah) mahupun horizontal (kiri ke kanan) ataupun gabungan antara keduanya.<sup>82</sup>

Perniagaan bentuk MLM ini adalah salah satu bentuk perniagaan yang telah menyumbang kepada pendapatan individu dan ekonomi negara. Perniagaan dalam kategori ini telah memberi ruang kepada orang ramai untuk menambah pendapatan isi rumah bagi menjana sumber mata pencarian secara tetap atau sampingan. Secara umumnya hukum bagi perniagaan bentuk MLM ini telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi hal Ehwat Ugama Islam Malaysia Kali ke-72 yang bersidang pada 25-26 Februari 2006 dan telah memutuskan bahawa:

*“Konsep, struktur dan undang-undang perniagaan Multi-level marketing (MLM) yang diluluskan oleh kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan Islam”<sup>83</sup>*

Jika kita fokuskan kepada bentuk-bentuk komisen dalam sistem MLM ini, terlebih dahulu perlu difahami bentuk atau pelan pemasaran berbilang tingkat (*Multi Level Marketing Plan*) itu sendiri. Pada kebiasaannya, syarikat akan melantik individu sebagai peserta untuk menjual barang atau perkhidmatan syarikat. Peserta yang berkenaan akan melantik individu lain bagi membentuk rangkaian di bawahnya (*downline*) untuk menjual barang atau perkhidmatan syarikat. Peserta yang pertama secara automatik akan menjadi (*upline*). Proses pengambilan peserta baharu boleh diteruskan sehingga satu peringkat yang munasabah. Setiap peserta yang menyertai pelan pemasaran ini akan mendapat komisen atau bonus daripada jualan peribadi atau jualan ahli di bawah rangkaian atau kumpulannya (*overriding commission*).

Upah secara komisen yang diamalkan dalam sistem jualan langsung ini dilihat mengamalkan beberapa konsep syariah seperti berikut:

***al-Ji`ālah (janji upah/reward):***

*al-Ji`ālah* ialah akad yang menjanjikan pemberian upah kepada pihak yang berjaya menghasilkan suatu natijah yang dikehendaki dan disyaratkan oleh orang yang berjanji iaitu *al-jā`il*. Akad ini bersifat *result-oriented* iaitu berorientasikan natijah dan bukannya *effort-oriented* iaitu berorientasikan usaha menyebabkan upah hanya wajib diberi oleh *al-jā`il* dan layak diterima oleh orang yang melakukan kerja iaitu *al-`āmil* apabila natijah yang disyaratkan oleh *al-jā`il* berjaya direalisasikan dan bukan semata-mata dengan melakukan usaha dan mencurahkan tenaga.

Mohamad Fairuz Tamjiz dan Buerah Tunggak<sup>84</sup> menyenaraikan beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan dengan penggunaan akad *al-Ji`ālah* dalam pelan pemasaran perniagaan jualan langsung. Antaranya berkaitan dengan keharusan pemberian bonus (atas aqad *al-Ji`ālah*)

---

<sup>82</sup> Zaharuddin Abdul Rahman, *Wang, Anda dan Islam*, (Kuala Lumpur: TrueWealth Sdn Bhd, 2009), 209.

<sup>83</sup> Panel Kajian Syariah JAKIM, *Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi Level Marketing)* menurut Syariah, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 2

<sup>84</sup> Mohamad Fairuz Tamjiz dan Buerah Tunggak, *Konsep Akad al-Ju`ālah Dalam Perusahaan Multi Level Marketing (MLM) Patuh Syariah*, *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, No.1 (2015), 44-45



secara perkongsian kepada beberapa *al-`āmil* atau *downline* apabila mereka secara berkumpulan mencapai satu-satu sasaran. Turut dinyatakan pemberian bonus oleh syarikat dengan menetapkan syarat tertentu yang perlu dicapai oleh *al-`āmil*. Meskipun ia diharuskan namun syarat tersebut hendaklah tidak terlalu ketat dan membebankan para *al-`āmil*. Seterusnya bonus *overriding* yang diperolehi oleh *upline* berdasarkan kepada prestasi *downline* yang secara ringkasnya meskipun terdapat beberapa pandangan namun kesimpulannya menjurus kepada keharusan *upline* menerima bonus *overiding* ini dengan syarat ia menyumbang juga terhadap prestasi *downline* dengan memberikan latihan dan bimbingan secara berkala. Jika ia tidak memberikan apa-apa sumbangan maka dibimbangi bonus yang diterima termasuk dalam kategori memakan harta orang lain secara batil.

#### ***al-Wakālah bi al-Ujrah* (wakil/ejen dengan upah)**

*al-Wakālah bi al-Ujrah* ialah akad yang memberi kuasa kepada seseorang (*al-wakīl*) untuk bertindak bagi pihak yang memberi kuasa (*al-muwakkil*). Biasanya akad ini diaplikasikan dalam perniagaan jualan langsung satu tingkat. Menerusi akad ini, syarikat akan melantik peserta termasuk pengedar, wakil jualan atau ejen melaksanakan tugas membuat penerangan tentang syarikat, promosi barang atau perkhidmatan, menjual barang dan perkhidmatan serta mendaftar ahli baharu untuk syarikat. Syarikat akan membayar komisen, bonus atau faedah ekonomi lain atas tugas atau kerja apabila peserta mencapai sasaran jualan berdasarkan konsep *al-ji`ālah*.<sup>85</sup>

Kesimpulannya, pembayaran imbuhan atau upah (*ujrah*) ejen dalam sistem ejen (*al-wakālah*) yang diterima pakai dalam perniagaan jualan langsung ini melibatkan kombinasi antara dua akad yang dilihat seakan-akan sama daripada satu sudut iaitu *al-Wakālah bi al-Ijārah* dan *al-Wakālah bi al-Ji`ālah*. Sama dalam konteks ia merupakan satu bentuk upah atau imbuhan yang dibayar atas sesuatu kerja. Yang membezakan antara keduanya adalah daripada sudut orientasi di mana jika atas dasar *ijārah* maka ia dibayar atas dasar usaha atau tempoh masa yang dicurahkan untuk kerja tersebut manakala jika atas dasar *ji`ālah* ia bergantung kepada natijah atau keputusan daripada kerja yang dilakukan sama ada ia mencapai sasaran atau tidak. Maka ejen akan dibayar komisen berdasarkan kepada natijah tersebut.

#### **iv. Komisen Perniagaan Konsainan (*Consignment*)**

Menurut Merriam-Webster Dictionary *consignment* bermaksud:

*“the act or process of consigning”*

*“something consigned especially in a single shipment”*

*“on consignment: shipped to a dealer who pays only for what is sold and who may return what is unsold”*<sup>86</sup>

Menurut Kamus Dewan:

*“Konsignasi: Pengiriman barang-barang untuk dijual oleh penerimanya”*<sup>87</sup>

<sup>85</sup> Panel Kajian Syariah JAKIM, *Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi Level Marketing) Menurut Syariah*, 11-14

<sup>86</sup> “Consignment”, diakses 15 September 2018, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/consignment>

<sup>87</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 817, entri “konsignasi”.

Istilah yang digunakan dalam menghubungkan antara prinsipal dan ejen ialah istilah konsainor yang merupakan pembekal dan konsaini yang merupakan peniaga. Ia berlaku di mana pembekal (konsainor) menghantar barang kepada peniaga (konsainor) untuk dijual dengan satu bentuk perjanjian bahawa barang yang tidak habis dijual akan dipulangkan semula. Dalam situasi ini pihak pembekal atau konsainor tidak menjual stok barangan kepada konsainor tetapi hanya meminta pihak konsaini mewujudkan stok tersebut bagi pihak mereka.<sup>88</sup> Dalam erti kata lain peniaga tidak mengeluarkan modal untuk membeli barang dan barang tersebut masih dikira hak milik konsainor sehinggalah ianya dijual. Konsaini memperoleh keuntungan daripada komisen yang ditolak daripada hasil jualan.

Kita boleh lihat perbezaan antara akad *al-ji`ālah* dan akad *al-ijārah* yang dikombinasikan dalam akad *al-wakālah* dalam perniagaan secara konsainan ini daripada empat aspek berikut iaitu:

Pertama: Konsainor jika ia dianggap sebagai *jā`il* (orang yang menawarkan upah) maka dia akan mendapat manfaat jualan apabila kerja jualan selesai dilakukan oleh wakilnya (konsaini/*āmil*). Sedangkan jika konsainor sebagai *mu`jir* (pemberi upah) maka beliau sepatutnya mendapat manfaat daripada *ijārah* ketika pekerja atau *musta`jir* telah melakukan sebahagian pekerjaannya. Manakala daripada sudut kesepakatan atau perjanjiannya, pekerja/*āmil* pada akad *al-ji`ālah* tidak akan menerima upah jika pekerjaannya belum selesai atau dalam konteks perniagaan konsainan jualannya belum dijual. Namun dalam akad *al-ijārah*, pekerja berhak mendapat upah atas pekerjaan yang telah dilakukan walaupun belum selesai sepenuhnya.

Kedua: Akad *al-ji`ālah* dibolehkan unsur gharar (tidak jelas) di dalamnya, sama ada unsur tidak jelas itu daripada segi jenis pekerjaan atau jangka masa yang diperlukan, dan hal ini diharuskan menurut pandangan jumhur ulama. Manakala dalam *al-ijārah*, jenis pekerjaan, upah, dan jangka masa yang diperlukan harus dijelaskan secara terperinci. Karena yang utama dalam *al-ji`ālah* adalah natijah akhir daripada pekerjaan tersebut manakala dalam *al-ijārah* matlamat utamanya adalah kerja itu sendiri.

Ketiga: Dalam akad *al-ji`ālah* tidak dibolehkan membayar upah di peringkat awal sebelum kerja bermula. Ini berbeza dengan *al-ijārah* yang dibolehkan membayar upah sebelum, semasa atau selepas pekerjaan dilaksanakan.

Keempat: Akad *al-ji`ālah* bukanlah akad lazim (*ghayr lāzim*) yang bersifat mengikat, ia boleh dibatalkan oleh salah satu pihak sama ada pihak *jā`il* ataupun pihak *āmil*. Berbeza dengan akad *al-ijārah* yang merupakan akad lazim yang bersifat mengikat dan tidak boleh dibatalkan oleh sebelah pihak sahaja.<sup>89</sup>

Kesimpulannya amalan menerima komisen berasaskan sistem konsainan ini adalah merupakan kombinasi di antara akad *al-wakālah bi al-ijārah* dan akad *al-ji`ālah*. Namun secara keseluruhannya akad *al-ijārah* lebih umum sifatnya daripada akad *al-ji`ālah* kerana setiap perkara yang boleh dilaksanakan dengan akad *al-ji`ālah* maka ia boleh dilaksanakan dalam

---

<sup>88</sup> Garis Panduan Perakaunan dan Kewangan Sekolah, (Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994), 124-129

<sup>89</sup> Isnawati Rais dan Hasanudin M., *Fiqh Muamalah dan Aplikasinya pada Lembaga Kewangan Syariah*, (Jakarta: Lembaga Penelitian UIN Jakarta, 2011), 205.

bentuk *al-ijārah* namun tidak semua yang boleh dilaksanakan dengan akad *al-ijārah* boleh dilaksanakan dengan akad *al-ji`ālah*.

## KESIMPULAN

Konsep komisen yang diamalkan secara meluas dalam sistem muamalat semasa merupakan satu bentuk upah atau imbuhan atas perkhidmatan dan kerja yang menerima pakai beberapa prinsip syariah seperti *al-Wakālah bi al-Ijārah*, *al-Ji`ālah* dan *Hibah Mu`allaqah*. Sama ada ia merupakan satu bentuk caj atau fi yang dituntut atas perkhidmatan yang ditawarkan atau satu bentuk upah atas kerja yang dilaksanakan. Ia perlu mematuhi rukun dan syarat akad yang ditetapkan bagi memastikan komisen yang diterima merupakan satu bentuk imbalan atas kerja yang patuh syariah dan menepati konsep mencari pendapatan yang halal dan diberkati Allah SWT.

## RUJUKAN

`Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulayman, *Aqd Al-Ijārah Maşdar min Maşādir al-Tamwīl al-Islāmiyyah*, Riyadh: al-Maahad al-Islāmiy li al-Buḥūs wa al-Tadrīb, 2000.

Akta Kerja 1955

Akta Kontrak 1950

al-Bukhārī, Abū `Abd Allāh Muhammad bin Ismā`īl, *“Şaḥīḥ al-Bukhārī”* ed. Rā`id bin Sabrī bin Abī `Alfah, Riyādh: Dār al-Ḥaḍārah li Al-Nashr wa al-Tawzī, 2015

Al-Dusūqī, Shamsuddin al-Syeikh Muhammad, *Ḥāsyiah al-Dusūqī `alā al-Syarḥ al-Kabīr*, Kaherah: Dār Ihyā` al-Kutub al-`Arabiyyah, , t.t.

Al-Ḥuşni al-Dimashqī, Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, *Kifāyah al-Akhyār fi Ḥalli Ghāyah al-Ikhtişār*, ed. `Abdul Qādir al-Arnā`ūt, Beirut: Dār al-Fikr, 1994.

al-Jaşāş, Ahmad ibn `Ali al-Rāzī, *Aḥkām al-Qur`ān*, ed. Muhammad al-Şādiq al-Qamḥāwi, Beirut: Dār Ihyā` al-Turāth al-`Arabī, 1992.

al-Jazīrī, `Abdul Rahman bin Muhammad, *al-Fiqh `alā al-Madhāhib al-Arba`ah*, Beirut: Dār Ihyā` al-Turāth al-`Arabī, 1996.

*Al-Mausu`ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu`ūn al-Islāmiyyah, 1993.

Al-Muṭṭī, Muhammad Najīb, *Al-Majmu` Syarḥ al-Muhadhab (Takmilah)*, Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.

Al-Nawawi, Mahyuddin Yahya bin Sharf, *Majmuk Şarḥ al-Muhadhdhab*, Damsyik: Dar-al-Fikri, t.t.

Al-Sarakhsī, Muhammad bin Ahmad, *Al-Mabsūṭ*, Dār al-Ma`rifah, Beirut: 1989.

- Al-Sarkhasī, Abū Bakr Muhammad ibn Abī Sahl, *al-Mabsūṭ*, Beirut: Dār al-Makrifah, 1989.
- Al-Sharbīnī, Shamsuddin Muhammad Ibn Khatīb, *Mughnī al Muḥtāj ilā Maʿrifat Maʿānī Alfāz al-Minhāj*, Beirut, Dār al-Mʿarifah, 2003.
- Al-Suyūṭī, ʿAbd Rahman bin Abi Bakar, *al-Ashbāh wa al-Nazāʿir*, Beirut, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, 1990.
- Al-Suyūṭī, Jalāluddin ʿAbd al-Rahmān bin Abī Bakr, *al-Iklīl fī Istinbat al-Tanzīl*, ed. ʿAbdullah Muhammad al-Siddīq al-Gumārī al-Hasanī, Damsyik: Dār al-Kutub al-Arabī, 2009.
- Al-Syātibī, Ibrahim bin Musa bin Muhammad, *al-Muwāfaqāt*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyah, 2001.
- Al-Syirāzī, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yusuf, *Al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imam al-Shāfiʿī*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1995.
- Al-Ṭabari, Muhammad bin Jarīr, *Tafsīr al-Ṭabari*, ed. Mahmūd Muhammad Shākir, Kaheerah: Maktabah Ibn Taimiyyah, t.t.
- Azman Mohd Nor et. al. “*Kerangka Dan Mekanisma Penentuan Kos Sebenar Ke Atas Produk Kewangan Islam*”, Kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7, Singapura, 29-30 Mei 2013.
- Dimyauddin Djuwaini, *Pengantar Fiqih Muamalah*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2010.
- Framework of Rate of Return*, Bank Negara Malaysia
- Garis Panduan Perakaunan dan Kewangan Sekolah*, Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994.
- Harlida Abdul Wahab dan Mumtaj Hassan, *Undang-Undang dan Tadbir Urus Sumber Manusia*, Sintok: UUM Press, 2016.
- Ibn ʿĀbidīn Muhammad Amin ibn ʿUmar, *Radd al-Muḥtār ʿalā al-Darr al-Mukhtār*, Riyadh: Dār ʿĀlim al-Kutub, 2003.
- Ibn ʿAbidīn, Muhammad Amin bin Umar, *Hāshiah Ibn ʿAbidīn*, Beirut, Dar Fikri, 1992.
- Ibn Hajar al-ʿAsqalanī, Ahmad bin ʿAli, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1989.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muhammad bin Mukram, *Lisān al-ʿArab*, Riyadh: Dār al-Akhyār, 2006.
- Ibn Najjar, Taqiyyuddin Muhammad bin Ahmad, *Muntahā al-Irādāt fī Jamʿi al-Muqni` ma`a Tankīḥ wa Ziyādāt*, ed. ʿAbdullah bin Abd Muhsin ʿal-Turkiyy, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000.

- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abī Bakr, *Ighāsah al-Lahfān fī Maṣāyid al-Shaytān*, Kaherah: Dar Ibn al-Haytham, 2004.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad, *al-Mughnī wa Yalīhi al-Syarḥ al-Kabīr*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Arabī, 1983.
- Ibn Qudāmah, Mawfiquddin `Abdullah bin Ahmad, *al-Mughni*, Kaherah: Dar Hadis, 2004.
- Ibrahim Mustāfa et. al., *al-Mu`jam al-Wasiṭ*, Istanbul: Dār al-Dakwah, 1989.
- Ishak Abdul Rahman dan Jumaat Abdul Moen, "Pentadbiran Gaji Dan Upah Menurut Perspektif Islam – Satu Tinjauan Umum," *Jurnal Ulum Islamiyyah*, The Malaysian Journal of Islamic Sciences, Vol.3, Bandar Baru Nilai, Universiti Sains Islam Malaysia, 2004.
- Ismā`il ibn Kathīr, *Tafsīr Ibn Kathīr*, ed. `Abd al-Qādir al-Arnā`ūt, Damsyik: Maktabah Dar al-Faiḥā', 1994.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Mohamad Fairuz Tamjis dan Buerah Tunggak, "Konsep Akad Al-Ju'alah Dalam Perusahaan Multi-Level Marketing (MLM) Patuh Syariah", *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol.2, no.1 2015.
- Mohammad `Abd al-Razzāq al-Ṭabṭabā`ī, *Abḥās bi Fiqh al-Muāmalāt al-Māliyah al-Mu`asirah*, Syūra li al-Istishārah al-Shar`iyyah, Kuwait: 2007.
- Mohd Kamil Ahmad, *Hibah Berta'liq dan Penggunaannya dalam Takaful: Kajian dari Perspektif Fiqh*, Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, 2017.
- Mohd Nasran Mohamad dan Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, "Surat Jaminan Bank: Hukum Menjadikannya Sebagai Aset untuk Jual Beli dalam Pembiayaan", *Jurnal Muamalat Bil* 2, 2009.
- Muhammad Mustāfa Shalabī, *al-Madkhal fī al-Ta`rif al-Fiqh al-Islāmī wa Qawā'id al-Milkiyyah wa al-Uqūd Fih*, Beirut: Dār Al-Nahḍah al-`Arabiyyah, 1985.
- Mustāfa al-Khin, *Fiqh al-Manhajī `alā Madhab al-Imām Al-Shāfī`ī*, Damsyik: Dār al-Qalam, t.t.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Ahmad Che Yaacob dan Norazila Mat Hussain, "Konsep Hibah Bersyarat dan Aplikasinya dalam Perancangan Harta", *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, No. 3-1 2017.
- Nazih Hammād, *Mu`jam al-Mustalahāt al-Māliyah wa al-Iqtisādiyah fī Lughah al-Fuqahā`*, Damsyik: Dār al-Qalam, 2008.
- Noorliza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, Amir Husin Mohd Nor, "Hibah dengan Syarat Balasan Mengikut Pandangan Fuqaha' dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivil Jordan", *Jurnal Shariah*, Jil.20, Bil.3 Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.

Panel Kajian Syariah JAKIM, *Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi Level Marketing) Menurut Syariah*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013.

Rahmat Syafie, *Fiqh Muamalat*, Jakarta: PT Raja Grafindo, 1993.

Saiful Anuar Hambali, *"Isu-isu Syariah Berkaitan Ujrah Dalam Industri Kewangan Islam"*, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7, Singapura: 2013.

Suhaimi Mohd Yusof, *"Sistem Kewangan Islam dan Konvensional : Satu Perbandingan Kritis"* Kertas Kerja, Bengkel Eksekutif Kewangan Islam Ahli-Ahli Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia, Bank Negara Malaysia, 27 September 2010.

Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, Damsyik: Dār al-Fikr, 1997.

Wahbah Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fī al-`Aqīdah wa al-Sharī`ah wa al-Manhaj*, Damsyik: Dar al-Fikri, 1991.

Website Agrobank, <https://www.agrobank.com.my/wp-content/uploads/2016/05/Terma-Dan-Syarat-Program-Sahabat-Agro-Agroprimas.pdf>

Website Agrobank, <https://www.agrobank.com.my/wp-content/uploads/2016/05/SahabatAgro.pdf>

Website Merriam Webster Dictionary, <https://www.merriamwebster.com/dictionary/consignment>

Website Takaful Malaysia, <https://www.takafulmalaysia.com.my/lang/bm/corporate/aboutus/Pages/businessmodel.aspx>

Zaharuddin Abdul Rahman, *Wang, Anda dan Islam*, Kuala Lumpur: TrueWealth Sdn Bhd, 2009.

Zakariya Hama, *"Konsep Ujrah dari Perspektif Fiqh"*, Kertas kerja, Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke- 7, Hotel Fairmont, Singapura 29-30 Mei 2013.